



DR. MAHATHIR Mohamad menerima cenderamata daripada Hishammuddin Tun Hussein yang mengetuai delegasi Pemuda UMNO yang membuat kunjungan ke Yayasan Kepimpinan Perdana di ~~Kuala Lumpur~~ Putrajaya, semalam.

Putrajaya UM - 19/6/2004 : 5

# Setiap UMNO bahagian berhak buat pencalonan

Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 18 Jun — Setiap UMNO bahagian berhak membuat pencalonan bagi pemilihan parti pada September ini tanpa terikat kepada pendirian Badan Perhubungan UMNO negeri masing-masing.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, senarai dari UMNO bahagian yang telah mendapat sokongan ahli tidak boleh disekat walaupun ia berbeza dengan persetujuan UMNO negeri.

“Bahagian tidak semestinya ikut apa yang telah dinyatakan oleh UMNO negeri kerana akhirnya cadangan akan dikemukakan dari bawah dan jika ada sokongan ia tidak boleh disekat,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas mengetuai delegasi Pemuda UMNO mengunjungi bekas Presiden parti, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Ia kunjungan pertama

oleh Pemuda UMNO selepas Dr. Mahathir meletakkan semua jawatan dalam kerajaan dan parti pada 31 Oktober lalu.

Hishammuddin mengulas keputusan beberapa Pergerakan Pemuda UMNO Negeri termasuk Kelantan dan Terengganu yang secara sebulat suara telah mengemukakan sokongan mereka untuk mencalonkan semula beliau sebagai Ketua Pemuda dan mengetengahkan Exco pergerakan tersebut, Khairy Jamaluddin sebagai Naib Ketua.

Beberapa pihak sebelum ini menyifatkan pengumuman sedemikian akan memberikan isyarat dan tekanan kepada UMNO bahagian supaya menyokong calon yang sama.

Menurut Hishammuddin, beliau bagaimanapun telah menasihatkan semua Pergerakan Pemuda Negeri supaya berhenti membuat pengumuman terbuka seperti itu bagi menggalakkan politik sihat di dalam parti.

“Saya telah nasihatkan bahawa perkara ini perlu dihentikan (kerana) kita mengamalkan demokrasi dan

perlu melakukan perkara yang sihat untuk demokrasi,” katanya.

Beliau berkata, cadangan supaya UMNO Bahagian Kepala Batas dan Pekan berkecuali dengan tidak mengemukakan pencalonan juga tidak wajar kerana mereka juga mahu melaksanakan tanggungjawab membuat pencalonan.

“Untuk membolehkan kedua-dua bahagian itu berkecuali, cadangan mungkin boleh dibawa kepada Majlis Tertinggi, tetapi memandangkan Perdana Menteri sendiri telah menyatakan mahu mencalonkan, kita perlu hormati pendiriannya,” jelas beliau.

Hishammuddin turut mengulangi nasihatnya supaya Exco Pemuda yang mahu bertanding jawatan Naib Ketua menghentikan kenyataan untuk menarik diri sekiranya Khairy bertanding bagi jawatan tersebut.

“Kalau hendak beritahu nak menarik diri dalam keadaan mereka belum pun lagi dicalonkan, tidak perlulah kerana mesyuarat bahagian pun belum lagi, bulan depan baru bermula,” katanya.